

29 NOV 97

DR MAHATHIR PULANG DARIPADA LAWATAN KE KANADA DAN JEPUN

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini kembali daripada menghadiri sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) kelima di Vancouver, Kanada yang diikuti dengan kunjungan bekerja di Tokyo.

Pesawat sewa khas Penerbangan Malaysia yang dinaiki Perdana Menteri mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pada pukul 4.30 petang.

Dr Mahathir, yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, disambut oleh beberapa orang menteri Kabinet.

Ketika berada di Vancouver, Perdana Menteri menyampaikan ucapan dasar mengenai "Kerajaan dan Sektor Swasta : Bekerjasama untuk Pembangunan Ekonomi" pada persidangan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat-syarikat terkemuka dunia.

Beliau turut menghadiri pertemuan pada majlis sarapan pagi dengan Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton.

Di Jepun, Dr Mahathir mengadakan satu pertemuan tertutup dengan pemimpin-pemimpin industri Jepun dan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usahasama antara syarikat Usra Tampi Sdn Bhd, Premier Choice Sdn Bhd dan syarikat Metro Denso Co Ltd dari Jepun dalam bidang pembuatan komponen automatif dan elektronik. -- BERNAMA

ES MZ RON